

06/07/2005

BBC-Automotif

BBC MAHU KERAJAAN SELESAI ISU INDUSTRI AUTOMOTIF DAN PROTON

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BBC) berharap isu mengenai hala tuju dasar automotif negara serta pertikaian membabitkan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) diselesaikan segera.

Malah, BBC telah menubuhkan satu jawatankuasa kerja berhubung perkara itu dan menemui pihak yang terbabit untuk mendapat penjelasan termasuk daripada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, kata pengerusinya Datuk Shahrir Abdul Samad.

"Minggu lepas kita sudah bertemu dengan syarikat vendor Proton dan Perodua. Minggu ini, kita akan berbincang dengan Proton sendiri bagi mendapatkan input-input dan sedang berusaha menetapkan tarikh untuk berjumpa dengan Dr Mahathir," katanya ketika di lobi Parlimen di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga penasihat Proton, dilaporkan berkata bahawa pengeluaran AP (permit import) secara tidak terkawal telah menjejaskan industri automotif tempatan.

Mengenai isu yang sama, PAS pula meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) segera menyiasat terhadap ketidaktelusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam pemberian AP itu.

Setiausaha agungnya Datuk Kamarudin Jaffar memberitahu pemberita juga di lobi Parlimen bahawa masalah dalam pemberian AP yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir itu, terutama mengenai prosedur pengeluarannya, perlu diberi perhatian.

"AP import kereta harus dilakukan dengan cara terbuka melalui 'public auction' supaya semua syarikat yang menawarkan harga tertinggi berhak mendapat AP dan pendapatan negara juga akan meningkat," katanya.

Beliau juga mahu kerajaan mengumumkan senarai pemegang AP agar orang ramai dapat menilai sendiri isu pemberian AP itu.

Pengerusi DAP dan ketua pembangkang Lim Kit Siang pula berkata beliau telah menghantar notis kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk membawa usul Proton itu pada persidangan dewan esok.

-- BERNAMA

MOT MAI